

LEMBAGA PELABUHAN KELANG

NOTIS LELONG AWAM DI BAWAH PERATURAN 34 PERATURAN-PERATURAN ZON BEBAS 1991

Adalah dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Zon Bebas, Lembaga Pelabuhan Kelang akan mengadakan Lelongan Awam pada hari **Khamis, 29 Mac 2018** pada jam **9.30** pagi bertempat di **Lembaga Pelabuhan Kelang**. Lelongan kali ini melibatkan dagangan-dagangan di **Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat, Pelabuhan Kelang**.

Dagangan-dagangan yang berada di **Pelabuhan Utara** boleh dilihat pada hari **Selasa, 27 Mac 2018** dari jam **9.00** pagi hingga **11.00** pagi. Manakala dagangan yang berada di **Pelabuhan Barat** pula boleh dilihat dari jam **12.00** tengah hari hingga **1.00** petang pada hari yang sama.

Sesiapa yang ingin menyertai Lelongan Awam berkenaan dikehendaki mendaftar di **Jabatan Zon Bebas, Lembaga Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Kelang** mulai hari **Isnin, 26 Mac 2018** jam **9.00** pagi. Bayaran pendaftaran adalah **RM50.00** seorang dan tidak akan dikembalikan.

Pembida-pembida yang berjaya dikehendaki membayar serta merta deposit **25%** daripada harga tawaran secara **tunai** atau "**banker's cheque**" di atas nama "**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**" dan baki **75%** hendaklah dijelaskan dalam tempoh **14** hari selepas tarikh lelongan. Jika gagal, bayaran deposit **25%** tersebut akan dilucut milik. Tempoh **simpanan percuma** untuk dagangan lelong adalah **14** hari dari tarikh lelongan dijalankan.

Pihak pengimport atau tuan punya dagangan yang masih berhasrat untuk mengambil dagangan tersebut adalah dinasihatkan supaya mengambil keluar dagangan tersebut sebelum tarikh lelongan.

LEMBAGA PELABUHAN KELANG

NOTICE OF PUBLIC AUCTION UNDER REGULATION 34 FREE ZONE REGULATIONS 1991

Notice is hereby given that the Free Zone Authority will be conducting a Public Auction on **Thursday, 29 March 2018** at **Lembaga Pelabuhan Kelang** at **9.30 am**. The auction will include unclaimed goods lying at **North Port and West Port, Port Kelang**.

All goods lying at **North Port** can be viewed on **Tuesday, 27 March 2018** from **9.00 am** to **11.00 am**. Meanwhile all goods lying at **West Port** can be viewed on the same day from **12.00 pm** to **1.00 pm**.

Those who wish to bid in the Auction need to register with the **Free Zone Department, Lembaga Pelabuhan Kelang, Port Kelang** on **Monday, 26 March 2018** from **9.00 am** onwards. The registration fee is **RM50.00** per person and is not refundable.

Successful bidders must immediately pay **25%** from the price offered in **cash** or **banker's cheque** under the name of "**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**". The balance of **75%** must be paid within **14 days** of the auction or otherwise the deposit of **25%** will be forfeited. The **free storage** period allowed is **14 days** after the date of the auction.

Importers or owners of the goods are advised to effect delivery of their unclaimed cargo before the date of auction.